



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KENYATAAN MEDIA MENGENAI ARTIKEL UTUSAN MALAYSIA BERTAJUK “PESAWAH BOLEH HILANG HASIL HINGGA 20%” BERTARIKH 21 SEPTEMBER 2026

PUTRAJAYA, 23 SEPTEMBER 2026 – Merujuk kepada laporan Utusan Malaysia pada 21 September 2026 berhubung kerisauan pesawah mengenai kadar potongan pemutuan padi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) amat prihatin dan menyambut baik maklum balas yang disuarakan oleh para pesawah. KPKM memandang serius isu pemutuan padi memandangkan pesawah merupakan tulang belakang dalam memastikan agenda keterjaminan makanan negara terpelihara. KPKM juga berpandangan kadar pemutuan yang tinggi tidak hanya menjejaskan pendapatan pesawah, malah berpotensi mengganggu keseimbangan keseluruhan ekosistem industri padi dan beras negara.

Bagi memastikan ketelusan proses timbangan, penilaian pemutuan padi adalah berdasarkan kepada tahap kualiti fizikal padi yang dihantar oleh pesawah ke Pelesen Membeli Padi atau Kilang Padi Komersial. KPKM juga ingin memaklumkan bahawa penilaian ini tidak dibuat secara sewenang-wenangnya, sebaliknya dikira secara adil berdasarkan kualiti sebenar padi seperti tahap kelembapan (wap basah), jumlah padi muda, padi rosak, serta kandungan kotoran (bendasing).

Sejak tahun 2017, KPKM telah mengeluarkan Kaedah Pemutuan Sebenar Padi berlandaskan Piawaian Spesifikasi dan Penggredan Padi (MS 84: 2017). Melalui pemakaian Prosedur Operasi Standard (SOP) yang perlu dipatuhi oleh semua kilang padi termasuk BERNAS dan swasta, keseragaman tafsiran dapat dipastikan di seluruh negara bagi melindungi pesawah daripada sebarang ketidakadilan. Pemakaian SOP ini juga amat penting untuk memastikan pesawah menerima Subsidi Harga Padi yang tepat berdasarkan kualiti dan hasil sebenar yang bersih, di samping mengelakkan sebarang ketirisan dana awam.

Sehubungan dengan itu, KPKM ingin menegaskan bahawa dakwaan wujudnya penetapan kadar pemutuan minimum sebanyak 20 peratus ke atas jualan padi

pesawah adalah tidak benar. Kadar pemutuan bergantung sepenuhnya pada kualiti fizikal hasil tuaian sewaktu jualan dilakukan. Sekiranya padi yang dihantar berada pada tahap kualiti yang optimum, kadar potongan yang dikenakan adalah jauh lebih rendah bersesuaian dengan standard yang ditetapkan.

Demi memastikan tiada sebarang kekeliruan atau salah laku, KPKM menerusi Seksyen Kawalselia Padi dan Beras (KPB) peringkat Negeri telahpun menggerakkan operasi pemantauan khas pemutuan padi secara berjadual di seluruh negara bermula 14 September 2026. Tindakan proaktif ini dikuatkuasakan berikutan musim tuaian padi yang kini sedang rancak berlangsung di beberapa buah negeri dan operasi pemantauan ini akan terus diperluaskan ke negeri-negeri lain yang bakal memulakan proses penuaian dalam masa terdekat. Langkah ini bertujuan untuk memastikan setiap kilang mematuhi tatacara pemutuan dengan telus, adil, dan berintegriti.

KPKM menegaskan bahawa isu pemutuan padi dan pemeraksanaan industri beras tempatan tidak boleh diselesaikan oleh satu pihak sahaja, sebaliknya memerlukan kerjasama berterusan dan komitmen keseluruhan semua pihak dalam ekosistem industri padi dan beras. KPKM juga sentiasa meletakkan kebajikan pesawah sebagai keutamaan demi memperkukuhkan agenda keterjaminan makanan negara.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

